

## **112 bekas kakitangan kemas terima RM336,000**

KOTA KINABALU 12 Feb. - Seramai 112 bekas kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di negeri ini akan menerima bayaran bantuan khas bernilai RM3,000 bagi setiap orang.

Bendahari Agung Persatuan Bekas Anggota Kemas Malaysia (PBKAM) Sabah, Asnah Tahlil berkata, bayaran secara sekali gus itu akan dibuat selewat-lewatnya penghujung bulan ini.

"Bantuan itu selaras dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika pembentangan Belanjawan 2012 bahawa imbuhan sebanyak RM3,000 akan diberikan kepada bekas kakitangan Kemas yang berkhidmat melebihi lima tahun.

"Jadi jumlah keseluruhan bantuan bayaran khas fasa pertama itu ialah sebanyak RM336,000," katanya pada majlis penyerahan cek berkenaan kepada Persatuan Bekas Anggota Kemas Malaysia (PBKAM) Sabah, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Persatuan Bekas Anggota Kemas Malaysia (PBKAM) Sabah, Datuk Surinam Sadikun.

Menurut Asnah, bayaran fasa pertama itu dibuat kepada semua bekas kakitangan Kemas yang berdaftar dengan persatuan tersebut.

Katanya, kini seramai kira-kira 400 bekas kakitangan Kemas dikesan masih belum mendaftar dengan persatuan itu.

"Jadi kita menyeru semua bekas kakitangan Kemas di seluruh negeri supaya segera mendaftar dengan persatuan.

"Pendaftaran boleh dibuat di Pejabat Daerah atau pejabat Kemas Daerah berhampiran di seluruh negeri," katanya.

Sementara itu, katanya, dalam usaha berterusan menjaga kebajikan bekas kakitangan Kemas, semua ahli PBKAM akan diberikan kad kesihatan yang boleh digunakan di hospital dan klinik kerajaan.